

**22 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **CEO KDSB cabar Tee Keat isytihar aset isu PKFZ**

KUALA LUMPUR: Ketua Eksekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), Datuk Seri Tiong King Sing mencabar Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat mengisytiharkan aset yang dimilikinya kepada umum. Tiong, yang kini menghadapi krisis dengan Ong berhubung projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang dibangunkan syarikatnya, berkata semua pendedahan yang beliau lakukan adalah demi kepentingan awam dan mahu rakyat mengetahui apa sebenarnya berlaku.

"Saya menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat berapa banyak wang simpanan Ong dan isterinya di bank, periksa akaun mereka memandangkan semua orang cakap pasal integriti dan ketelusan. "Anda boleh kira berapa banyak gaji seorang menteri dan Ahli Parlimen, tengoklah kalau gaji yang diterima beliau itu munasabah dengan aset serta simpanan yang dimiliki mereka. "Saya tahu Ong cuba membunuh karier politik saya menggunakan isu PKFZ ini, malah saya dapat pengesahan daripada individu yang beliau arah melakukannya dan saya sedia dedahkan namanya kalau Ong masih menafikan perkara ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Tiong juga tetap dengan pendirian tidak memohon maaf kepada Ong berhubung dakwaannya parti itu menerima derma RM10 juta daripada beliau. Perbalahan antara Tiong dan Ong menjadi serius selepas pasukan petugas khas menyiasat skandal PKFZ mendakwa KDSM melakukan tuntutan tidak munasabah antara RM500 juta dan RM1 bilion. Sehubungan itu, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Lee Hwa Beng membuat laporan polis terhadap KDSB.

**24 Ogos 2009 (Isnin)**

### **3 jadi konsortium: PM**

Oleh Abdul Razak Raaff dan Irwan Shafrizan Ismail [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



**ROSMAH menyampaikan sumbangan kepada warga emas, ibu tunggal dan fakir miskin sambil diperhatikan Najib sempena majlis berbuka puasa di Masjid At-Taufik di Peramu Tiga, Pekan.**

## **Gabung projek Felda, Felcra, Risda tingkat ekonomi**

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak mencadangkan tiga agensi pertanian terbesar negara, Felda, Felcra dan Risda bergabung mewujudkan konsortium bagi menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi secara perkongsian, sekali gus meningkatkan pendapatan peneroka dan pekebun kecil. Perdana Menteri berkata, beliau sudah meminta ketua eksekutif dan pengerusi ketiga-tiga agensi itu menemuinya bersama Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal bagi membincangkan bagaimana gabungan dan perkongsian itu boleh dilaksanakan.

Beliau berkata, banyak faedah yang dapat diperoleh peneroka dan pekebun kecil jika ketiga-tiga agensi pertanian itu bergabung dan meningkatkan kerjasama. "Umpamanya nak buat kilang baja jika ketiga-tiga agensi ini berkongsi dan membina kilang baja sudah tentu kita akan dapat mewujudkan skala ekonomi yang lebih besar berbanding jika setiap agensi mendirikan kilang masing-masing. "Begitu juga jika bergabung bina kilang memproses buah kelapa sawit seperti di kawasan yang ada ladang milik Risda dan berdekatan tanah rancangan Felda dan Felcra.

Kalau semua buah kelapa sawit itu dihantar di kilang sudah tentu ia akan maju dan beri margin lebih besar kepada peserta dan peneroka. "Begitu juga kalau kita nak buat perusahaan hiliran. Kalau dapat bergabung bererti input untuk kilang bertambah dan dapat menghasilkan produk yang memberi keuntungan lebih besar bagi ketiga-tiga agensi ini," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian dividen Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK) di sini, semalam.

Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Pengerusi Risda, Tan Sri Rahim Tamby Chik. Risda mengagihkan dividen berjumlah RM202.3 juta kepada 16,080 peserta RTBB dan 27,776 peserta TSK di seluruh negara. Mengulas lanjut mengenai cadangan berkenaan, Najib berkata, ketiga-tiga agensi itu tetap wujud cuma mereka bergabung dan bekerjasama berdasarkan projek yang hendak diusahakan.

**24 Ogos 2009 (Isnin)**

## **Rencana - Fungsi bioteknologi menangani wabak H1N1**

Oleh M Firdaus Raih [rencanabh@bharian.com.my](mailto:rencanabh@bharian.com.my)

### **Pemahaman Tamiflu, antiviral penting bagi proses pemulihan daripada jangkitan**

KEBELAKANGAN ini, perkataan seperti Tamiflu, antiviral, antibiotik dan vaksin sudah menjadi sebutan dalam perbualan harian kita. Namun, masih ada sedikit sebanyak kekeliruan mengenai apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan perkataan ini. Tambahan

pula, masih juga timbul kekeliruan mengenai ujian bagi mengesan jangkitan Influenza A (H1N1).

Pemahaman mengenai perkara ini penting bagi membolehkan kita membuat keputusan berasaskan maklumat untuk membantu pihak bertanggungjawab ke atas kesihatan awam dan juga untuk kebaikan umumnya. Oleh itu, rencana ini akan cuba mengupas perkataan dan isu terbabit serta peranan dimainkan oleh bioteknologi dalam menangani wabak penyakit di zaman ini. Semoga maklumat ini, terutama sekali dengan latar belakang penularan penyakit H1N1 yang dihadapi, boleh dijadikan panduan. Dua perkataan yang mungkin sudah lama dikenali sejak sebelum wabak H1N1 lagi ialah antibiotik dan juga vaksin.

Antibiotik dikatakan sebagai bahan kimia yang secara khususnya boleh membasmi pertumbuhan bakteria dan penggunaannya dalam pembasmian mikroorganisma lain seperti kulat. Vaksin pula adalah satu campuran atau persediaan biologi digunakan untuk sistem pertahanan badan supaya dapat mengenali sesuatu bahan asing yang menceroch masuk ke badan. Antara bendasing yang dimaksudkan adalah mikroorganisma pembawa penyakit yang juga dikenali sebagai 'patogen' seperti bakteria dan juga virus. Ini bermakna antibiotik adalah sesuatu yang digunakan khusus untuk membasmi jangkitan bakteria dan tidak boleh digunakan terhadap jangkitan virus. Penyalahgunaan antibiotik mengakibatkan masalah kerintangan bakteria terhadap antibiotik.

Penyalahgunaan boleh timbul dalam beberapa keadaan. Situasi utama yang membabitkan populasi awam ialah pengambilan dos antibiotik yang tidak mencukupi. Keadaan sebegini boleh timbul apabila pesakit mendapati jangkitan yang mereka alami seperti batuk sudah pun hilang dan terus menghentikan pengambilan antibiotik yang diberikan. Mungkin juga berlaku keadaan, pesakit mendapati mereka mendapat jangkitan dan oleh kerana masih ada antibiotik terdahulu yang tidak dihabiskan, maka pesakit itu mengambil inisiatif untuk mengubati diri sendiri dengan antibiotik terbabit.

Lama-kelamaan, bakteria yang tidak dibasmikan sepenuhnya akan bermutasi dan menjadi rintang terhadap antibiotik sedia ada. Kerintangan bakteria patogen terhadap antibiotik adalah satu masalah yang besar. Sekiranya bakteria yang dulunya dianggap kurang berbahaya menjadi rintang terhadap antibiotik, jangkitan bakteria itu tidak boleh lagi diubati dengan antibiotik sama. Maka antibiotik baru perlu ditemui atau dibangunkan. Antibiotik secara amnya bertindak dengan merencat sesuatu sistem yang diperlukan untuk kemandirian bakteria. Sebagai contoh, sekiranya sejenis bahan kimia dapat bertindak merencat sistem penghasilan protein bakteria, maka bakteria itu tidak dapat menghasilkan protein untuk terus hidup dan mengakibatkan kematian bakteria.

Bahan kimia yang bertindak sedemikian adalah antibiotik. Beberapa spesies atau jenis bakteria yang berlainan mungkin boleh dibasmi dengan satu jenis antibiotik sekiranya sistem yang terjejas oleh antibiotik pada bakteria berlainan itu mempunyai persamaan. Dengan kefahaman ini, antibiotik tidak boleh digunakan bagi menangani jangkitan virus seperti Influenza.

Bagi penyakit yang disebabkan virus, kebiasaannya, ubat antivirus yang khusus terhadap sesuatu virus, seperti Tamiflu, boleh digunakan. Tindakan ubatan antiviral berbeza daripada antibiotik. Antiviral lazimnya bertindak merencat penggandaan virus dan tidak bertindak membasmi atau membunuh virus seperti dilakukan oleh antibiotik terhadap bakteria. Ini bermakna virus induk yang menjangkiti individu tidak dapat menghasilkan lebih banyak virus untuk meneruskan jangkitan terbahit. Dengan cara ini, sistem pertahanan (keimunan) semula jadi tubuh berpeluang untuk bertindak membantu memulihkan badan daripada jangkitan.

Pada zaman ini, bioteknologi berperanan penting dalam pencarian dan pembangunan pelbagai ubatan anti mikroorganisma seperti antibiotik dan antiviral dan penghasil-lan vaksin yang baru. Lazimnya, sa-saran bagi ubatan adalah protein. Protein yang menjadi sasaran boleh terbahit dalam pelbagai fungsi penting untuk kehidupan bakteria atau penggandaan virus. Ilmu biologi molekul mempunyai peranan penting kerana penyelidikan dalam bidang ini banyak menyumbang pemahaman mengenai fungsi dan mekanisme tindakan sesuatu protein. Apabila sesuatu protein sasaran dikenal pasti dan dikaji mekanisme tindakannya, maka pemahaman yang timbul boleh diguna pakai bagi mencari jalan untuk merencatkan tindakan protein itu.

Vaksin pula terhasil apabila sesuatu bendasing mengaruhkan sistem pertahanan tubuh untuk mengenalinya sebagai suatu bendasing dan menghasilkan antibodi yang boleh menyekat bendasing berkenaan. Ada beberapa cara vaksin dihasilkan. Antaranya penghasilan vaksin menggu-na-kan mikroorganisma patogen yang dilemahkan atau dinyahaktifkan. Selain itu, toksin yang dihasilkan bakteria boleh digunakan. Ini bermakna, bagi individu yang sudah divaksinasi, toksin dihasilkan oleh kuman jangkitan boleh dikenal pasti lalu dinyahaktifkan. Dalam keadaan sebegini, vaksin tidak menghasilkan tindakan secara langsung ke atas organisma patogen.

Penggunaan virus yang dilemahkan atau dimatikan, terutama bagi virus yang masih belum difahami sepenuhnya, membawa risikonya tersendiri. Oleh itu, wujud usaha untuk membolehkan hanya protein permukaan mikrob patogen dipencilkan dan dipersembahkan untuk dikenal pasti oleh sistem keimunan badan. Cara sebegini membolehkan sistem pertahanan mengenali mikroorganisma yang boleh menjangkitinya dan menyediakan antibodi yang bersesuaian tanpa risiko seperti dalam kes penggunaan virus yang dilemahkan.

Antara usaha yang giat dijalankan di banyak makmal penyelidikan seluruh dunia, termasuk di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah kajian terhadap protein mikroorganisma yang berpotensi dijadikan sasaran ubatan. Ilmu biologi molekul dan bioteknologi menjadi teras yang mendokong penyelidikan sebegini. Usaha ini di-harap dapat menyediakan antibiotik generasi akan datang yang boleh menangani masalah kerintangan antibiotik dan antiviral. Teknologi yang dibangunkan membolehkan kajian sesuatu organisma patogen dilakukan dengan lebih cepat.

Sesuatu organisma yang baru saja dikenal pasti boleh diselidiki hingga memperoleh ubatan antimikrob atau vaksin dalam masa yang singkat dan bukan jangkamasa bertahun atau

berabad lamanya seperti sekarang. Dengan harapan sedemikian, maka tidak hairanlah dana hingga puluhan bilion dolar Amerika disalurkan setiap tahun dalam bidang bioteknologi. Penguasaan bidang ilmu biologi molekul dan bioteknologi, terutama aspek bioteknologi perubatan, dijangka dapat memberi pulangan yang menguntungkan pelabur awal.

Pelabur awal di sini dimaksudkan pemodal dan pengeluar dana penyelidikan besar-besaran seperti kerajaan Amerika Syarikat dan pemodal swasta seperti dana amanah. Selain menjanjikan pulangan kewangan, penguasaan teknologi penghasilan antimikrob dan vaksin juga mempunyai dampak dari segi jaminan keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara yang tidak dapat dinilai hanya berasaskan wang ringgit.

**Penulis ialah penyelidik bidang biologi komputasi (bioinformatik) dan biologi struktur di Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM.**

**25 ogos 2009 (Selasa)**

**Tee Keat fail saman CEO KDSB RM500 juta**

Oleh Mohamed Farid Noh [mfarid@bharian.com.my](mailto:mfarid@bharian.com.my)

**Menteri dakwa Tiong fitnah pemberian RM10j**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ong Tee Keat memfailkan saman terhadap Datuk Seri Tiong King Sing menuntut ganti rugi RM500 juta selepas mendakwa Ahli Parlimen Bintulu itu mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah ke atasnya. Beliau yang juga Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA memfailkan saman itu di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini pada jam 11.15 pagi semalam, melalui Tetuan Tan, Goh & Associates. Dalam pernyataan tuntutan, Ong mendakwa Tiong yang juga Pengarah Esekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah terhadapnya berhubung pemberian RM10 juta yang kemudian diterbitkan di sebuah laman portal berita tempatan pada 12 Ogos lalu.

Ong mendakwa, Tiong berniat jahat ketika mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah itu bertujuan menghalang penyiasatan yang adil dan betul terhadap penyalahgunaan kewangan oleh Port Klang Free Zone (PKFZ) dan peranan KDSB dalam penyalahgunaan kewangan berkenaan. Katanya, kenyataan Tiong itu menyebabkan reputasi, imej, integriti dan nama baiknya di khalayak terutama orang awam terjejas. Beliau berkata, tuduhan yang terkandung dalam kenyataan fitnahnya itu bertujuan merosakkan namanya sebagai pemimpin negara dan mengakibatkan beliau dibenci, dihina dan ditindas orang awam.

Ong berkata, melalui surat bertarikh 13 Ogos lalu, beliau meminta Tiong, yang juga Pengerusi Kelab Anggota Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), untuk menarik balik

kenyataannya itu dan meminta maaf tetapi sehingga hari ini, Tiong enggan berbuat demikian. Sehubungan itu, beliau menuntut Tiong membuat satu penarikan balik kenyataannya serta permintaan maaf disiarkan dalam semua penerbitan akhbar utama negara. Selain itu, Ong menuntut ganti rugi teruk, ganti rugi teladan dan perintah injunksi untuk menghalang Tiong atau ejennya daripada mengeluarkan sebarang kenyataan berunsur fitnah terhadapnya berhubung isu itu.

## **26 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Bank Negara kekalkan kadar faedah semasa**

**Oleh Ahmad Farizal Hajat**

BANK Negara Malaysia mengekalkan kadar faedah tempatan pada paras semasa kerana berpendapat ia adalah sesuai untuk terus menyediakan sokongan bagi aktiviti ekonomi negara. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bank pusat itu dalam mesyuarat bulanannya semalam, memutuskan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada dua peratus. Ini adalah kali keempat bank pusat mengekalkan paras OPR yang dijadikan penanda aras oleh bank tempatan untuk menentukan kadar pinjaman asas (BLR) masing-masing yang mana ketika ini berada di sekitar 5.55 peratus.

Bank Negara dalam kenyataannya mengumumkan keputusan MPC itu berkata, sejak mesyuaratnya bulan lalu, wujud lebih banyak tanda menunjukkan keadaan ekonomi dan kewangan global bertambah baik. Katanya, aktiviti ekonomi di beberapa negara maju dan serantau mulai pulih secara beransur-ansur berikutan pelaksanaan langkah fiskal dan monetari yang nyata. "Bagaimanapun, proses pemulihan ekonomi dijangka mengambil masa kerana beberapa negara berkenaan sedang melalui pelarasan struktur seterusnya," katanya.

Mengenai ekonomi negara, bank pusat berkata, berdasarkan penunjuk kewangan dan ekonomi terkini, termasuk pengeluaran perindustrian, arah aliran pembiayaan, sentimen pengguna dan perniagaan, dan pemberhentian pekerja, mengesahkan penilaian keadaan ekonomi semakin stabil. Katanya, ekonomi negara dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini hingga 2010, susulan pemulihan permintaan dalam negeri dalam persekitaran ekonomi global yang semakin stabil.

Bank pusat itu berkata, kadar inflasi pada bulan lalu turut menurun, sebahagian besarnya mencerminkan penurunan terkumpul harga bahan api sejak Jun tahun lalu dan tekanan terhadap harga makanan yang semakin sederhana. Katanya, inflasi yang negatif itu dijangka bersifat sementara waktu dan diunjurkan kembali positif apabila keadaan dalam negeri bertambah kukuh. "Dengan keadaan ekonomi dalam negara yang semakin pulih dan tekanan harga dijangka terus sederhana pada masa hadapan, penilaian yang dibuat menunjukkan pendirian dasar monetari semasa adalah wajar dan akan terus menyokong aktiviti ekonomi negara," jelasnya.

**27 Ogos 2009(Khamis)**

### **LPK lapor lima pihak seleweng projek PKFZ**

PUTRAJAYA: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) semalam, membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap lima pihak berhubung penyelewengan dalam projek pembinaan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng menamakan lima pihak berkenaan ialah syarikat pemaju utama PKFZ iaitu Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KDSB, Datuk Seri Tiong King Sing; bekas Pengurus Besar PKA, Datin Paduka O C Phang; penasihat projek itu, BTA Architects dan jururunding projek berkenaan, Bernard Tan Seng Swee.

Katanya, LPK berharap SPRM akan menyiasat mengenai kemungkinan wujud konspirasi antara mereka. Dalam perkembangan sama, Tiong membuat laporan polis terhadap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat sebagai membalas tuduhan terhadapnya. Tiong yang juga Ahli Parlimen Bintulu dan Pengerusi Ahli Kelab Anggota Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) membuat laporan itu pada jam 11 pagi di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi.

**27 Ogos 2009(Khamis)**

### **Pemaju sanggup melalui proses timbang tara**

KUALA LUMPUR: Pemaju projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) sanggup melalui proses timbang tara bagi menyelesaikan isu tuntutan tidak munasabah antara RM500 juta hingga RM1 bilion yang didakwa Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Azmi Khalid, berkata Timbalan Ketua Eksekutif KDSB, Datuk Faizal Abdullah, turut juga mengesyorkan PKA menebus bon pinjaman lebih awal daripada tempoh matangnya bagi mengurangkan beban hutang.

“Tindakan menebus bon berkenaan sebelum tempoh matang boleh mengurangkan kos kepada antara RM3.2 bilion hingga RM3.5 bilion berbanding RM4.6 bilion yang terpaksa dibayar apabila bon berkenaan matang pada 2017,” katanya selepas mempengerusikan inkuiri PAC di Parlimen semalam.

**27 Ogos 2009(Khamis)**

## **Ekonomi Malaysia suku kedua kuncup 3.9 peratus**

Oleh Zainab Mohd Yatim [zmy@bharian.com.my](mailto:zmy@bharian.com.my)



### **Negara dijangka catat pertumbuhan positif suku keempat**

EKONOMI Malaysia menguncup 3.9 peratus pada suku kedua lalu, jauh lebih baik berbanding penguncupan 6.2 peratus dalam suku pertama. Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata prospek pada suku ketiga ini terus bertambah baik dan ekonomi negara dijangka kembali mencatat pertumbuhan positif dalam suku keempat. Beliau berkata, ini disandarkan kepada jangkauan yang sektor domestik akan terus meningkat berikutan akses kepada pembiayaan yang terbuka luas.

Pasaran kewangan juga, katanya dijangka kekal stabil serta menggalakkan, pasaran buruh terus meningkat, manakala sektor isi rumah serta perniagaan yang tidak terjejas akan menyokong pertumbuhan ekonomi dalam separuh kedua ini. Berikutan itu, Zeti berkata, kerajaan dijangkakan membuat semakan semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi seluruh tahun ini ketika pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober ini.

Kerajaan sebelum ini mengunjurkan ekonomi negara akan menguncup antara empat peratus dan lima peratus tahun ini. "Kami menjangkakan ekonomi negara pada suku ketiga akan terus pulih dengan kadar penguncupan makin berkurangan. Kami juga menjangkakan suku keempat akan menunjukkan pertumbuhan positif," katanya pada sidang media bagi mengumumkan prestasi ekonomi negara bagi suku kedua 2009, di Kuala Lumpur, semalam.

Zeti berkata, berikutan prestasi pada suku kedua itu, ekonomi negara hanya menguncup 5.1 peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Beliau menjelaskan, prestasi lebih baik pada suku kedua lalu disumbangkan terutama oleh perbelanjaan awam lebih tinggi serta pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta. Dalam tempoh dikaji, katanya, semua sektor ekonomi mencatat prestasi lebih baik dengan sektor perkhidmatan mencatat



pertumbuhan 1.6 peratus berbanding penguncupan 0.2 peratus dalam suku pertama, manakala kemerosotan dalam sektor perkilangan pula menyederhana pada 14.5 peratus daripada 17.9 peratus dalam suku pertama.

"Pertumbuhan sektor pembinaan pula bertambah kukuh pada kadar 2.8 peratus daripada 1.1 peratus kerana mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan fiskal," katanya.

Zeti berkata, sektor pertanian kembali pulih dengan mencatat pertumbuhan 0.3 peratus berbanding penguncupan 4.9 peratus dalam suku pertama, manakala perlombongan merosot pada kadar lebih sederhana iaitu 2.6 peratus daripada 5.2 peratus berikutan kemerosotan pengeluaran gas asli dan minyak mentah. Keseluruhannya, Zeti berkata, pertumbuhan ekonomi terus dipengaruhi oleh kemerosotan ketara dalam permintaan luar negara dan aktiviti pelaburan swasta yang lemah.

Dalam tempoh suku kedua itu juga, katanya eksport bersih barangan dan perkhidmatan benar negara merosot 0.7 peratus akibat daripada ekonomi global yang terus lembap. Bagaimanapun, katanya aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) pada asas tunai dalam suku kedua lalu adalah lebih tinggi pada RM10.4 bilion berbanding RM6.8 bilion pada suku pertama dan ini mencerminkan aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi. FDI bersih katanya, berjumlah RM6.7 bilion, meningkat berbanding RM2.1 bilion dalam suku pertama dan disalurkan terutama ke dalam sektor minyak dan gas serta perkilangan. Sementara itu, Zeti berkata, rizab antarabangsa Bank Negara berjumlah RM322.9 bilion setakat 30 Jun lalu, memadai untuk membiayai sembilan bulan import tertanggung dan ini mencerminkan 3.8 kali hutang jangka pendek negara.

**28 Ogos 2009(Jumaat)**

## **Ekonomi negara bertambah baik**

Oleh Khairul Azran Hussin

### **Mampu kekal momentum pertumbuhan**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata ekonomi Malaysia berada pada landasan yang kukuh dan mampu mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang diharapkan. Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, ekonomi negara yang bertambah baik sejak akhir-akhir ini turut meningkatkan keyakinan semua pihak bahawa negara mampu mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik selepas ini. "Saya gembira dengan perkembangan itu. Saya rasa waktu sukar sudah berlalu dan kita semakin pulih daripada masalah ekonomi dunia.

"Perkembangan positif ini didorong oleh kedua-dua pakej rangsangan kerajaan sebelum ini dan berjaya menyumbang kepada prestasi ekonomi Malaysia," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi WIEF, Tun Musa Hitam.

WIEF kali keenam itu dijadualkan berlangsung di ibu negara bermula 18 hingga 20 Mei 2010. Kelmarin, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata ekonomi Malaysia menguncup 3.9 peratus pada suku kedua, jauh lebih baik berbanding penguncupan 6.2 peratus dalam suku pertama. Zeti Akhtar Aziz, berkata, prospek pada suku ketiga terus bertambah baik dan ekonomi negara dijangka kembali mencatat pertumbuhan positif dalam suku keempat. Berikutan itu, Zeti berkata, kerajaan dijangka membuat semakan semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi seluruh tahun ini ketika pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober ini.

## **29 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Rencana - Antara konflik MCA, penyelewengan PKFZ**

**Oleh Jamhariah Jaafar**

KEMELUT melanda MCA meledak semula apabila Majlis Presiden parti itu membuat keputusan memecat Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek. Pemecatan itu berlaku ketika Presidennya, Datuk Seri Ong Tee Keat sendiri menghadapi tuduhan menerima peruntukan RM10 juta daripada syarikat yang menguruskan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang penuh kontroversi. Alasan Ong ketika mengumumkan pemecatan yang berkuat kuasa serta-merta ialah kerana skandal Dr Chua itu memberi imej buruk kepada parti. Pemecatan itu hanya berlaku selepas hampir dua tahun skandal itu berlalu selepas Dr Chua sendiri secara sukarela meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan pada 2 Januari, 2008. Beliau dipilih semula sebagai Timbalan Presiden parti pada pemilihan lalu. Hanya sekarang pengurusan tertinggi MCA membuat keputusan bahawa perangai Dr Chua itu mengaibkan parti.

"Kami membuat keputusan ini dengan hati yang berat selepas memberi pertimbangan serius terhadap kerosakan yang terpalit kepada imej parti, disebabkan skandal seks yang ada dalam DVD terbabit," kata Ong ketika mengumumkan keputusan itu. Dr Chua boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari, tetapi perlembagaan MCA tidak membenarkan keputusan terbabit dicabar di mahkamah. Banyak yang boleh diperkata mengenai Dr Chua, seorang doktor perubatan yang mempunyai klinik di Batu Pahat yang sering tidak menerima bayaran daripada pesakitnya dan disayangi bekas pengundinya di kawasan Parlimen Labis.

Beliau pernah menjadi Exco Kerajaan Johor selama tiga penggal sejak 1990, sebelum ke Kerajaan Pusat dan memegang jawatan sebagai Menteri Kesihatan pada 2004 sehingga

secara sukarela meletak jawatan selepas skandal seksnya terbongkar, pada 2 Januari, 2008. Dr Chua boleh dianggap sebagai satu-satunya tokoh politik negara ini yang mengaku salah serta meletak jawatan secara sukarela selepas terbabit dalam skandal yang mengaibkan kerajaan, parti komponen BN dan parti MCA sendiri.

Beliau meluahkan kekecewaan di blognya, <http://drchua9.blogspot.com>: "Hari ini (semalam), saya tidak mempunyai parti. Saya berkhidmat sebagai pengerusi bahagian sejak 1985. Pada 2 Januari, 2008, bila saya meletak jawatan daripada semua jawatan parti, saya masih seorang ahli MCA. "Hari ini, saya langsung tidak mempunyai parti. Jadi, kedudukan saya hari ini lebih buruk daripada bila saya meletak jawatan pada 2 Januari 2008. Saya tidak menyedari lembaga disiplin MCA yang diketuai seorang peguam tua mendapati sesuai untuk mencadangkan supaya saya dipecat, 21 bulan selepas saya meletak semua jawatan parti dan kerajaan bagi alasan yang sama bila saya meletak jawatan pada Januari 2008.

"Sekiranya ada peruntukan untuk mengenakan hukuman mati secara fizikal, saya yakin lembaga disiplin tidak teragak-agak untuk mencadangkan saya supaya dikenakan hukuman mati. Alasan mengapa saya perlu dipecat amat jelas. "Adakah pemecatan saya akan menaikkan imej MCA? Saya perlu mengandaikan presiden hari ini adalah bersih dan suci seperti kristal. Hanya masa akan menentukan."

Dr Chua turut mendakwa bukan lagi rahsia Presiden MCA itu akan menganggap musuhnya atau mereka yang mengancamnya sebagai anti-MCA, samseng atau bekerjasama dengan ahli perniagaan dan mengambil duit daripada mereka untuk menumbangkannya. "Presiden MCA sudah menggariskan tiga agenda utama untuk parti - ekonomi, politik dan keharmonian antara kaum. Tapi realitinya, kelihatan perkara paling penting dalam agenda politiknya ialah menyingkir Chua Soi Lek," kata Dr Chua. Pemecatan Dr Chua dengan menggunakan alasan skandal seksnya adalah sebab rasmi, namun ramai sedar ia lebih condong ke arah perselisihan serta perebutan kuasa yang berlaku di antara dua pemimpin tertinggi MCA ini.

Sumber berkata, cadangan awal ialah supaya Dr Chua digantung selama tiga hari bagi membolehkan Ong meredakan pergolakan di dalam partinya tanpa campur tangan kumpulan Dr Chua yang membongkar beberapa kes membabitkan Ong. Namun, Ong dikatakan menggunakan kuasanya sebagai presiden melobi supaya Dr Chua dipecat, kerana mendakwa Dr Chua adalah antara orang yang bertanggungjawab untuk menjatuhkannya melalui kes sumbangan dana bernilai RM10 juta yang didakwa diberi Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing, yang juga Pengarah Eksekutif syarikat Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB).

Kes berkenaan membabitkan penyelewengan dalam urus niaga PKFZ, sebuah hab pengangkutan yang dibina di kawasan seluas 405 hektar di Pelabuhan Klang, yang turut menempatkan gudang, blok pejabat dan sebuah hotel empat bintang, tercetus berikutan pendedahan bahawa kos pembangunannya melambung daripada RM2.5 bilion kepada RM4.6 bilion. Projek itu awalnya membabit Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) yang membeli tanah PKFZ seluas 400 hektar di Pulau Indah daripada KDSB pada 2002 dengan

harga RM25 sekaki persegi. KDSB kemudian dilantik sebagai pemaju bagi projek siap guna itu. KDSB sudah menerbitkan bon bagi membiayai projek PKFZ. Ong menyaman Tiong King Sing dan menuntut ganti rugi am sebanyak RM500 juta kerana mendakwa Tiong mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah terhadapnya.

Ong dikatakan tersepit dan suasana lebih panas apabila ada desakan memintanya mengkaji semula keputusan memecat Dr Chua, yang dilantiknya sebagai penyelarasa kepada parti komponen BN. Ada berpendapat Dr Chua sudah menebus dosanya itu selepas meletak semua jawatan dalam parti dan kerajaan, dan keputusan ahli MCA melantiknya sebagai Timbalan Presiden sudah cukup kuat menghapuskan semua kesilapan lalu. Antara mereka ialah bekas Naib Presiden MCA, Datuk Fong Chan Onn: "Dia sudah meminta maaf kerana skandal yang berlaku dan meletak jawatan sebagai menteri dan ahli politik untuk memikul tanggungjawab moral. "Saya fikir kita perlu memberi Dr Chua dan Ong peluang untuk bekerjasama bagi mengukuhkan parti ini untuk masa depan. Ketika ini, kita tidak mampu menghadapi satu lagi perpecahan," katanya.

## **29 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Ke arah evolusi infrastruktur industri air**

**Oleh Rozali Ismail**

BEKALAN air bersih nadi kepada pembangunan negara dan penduduk yang sihat adalah salah satu agenda utama kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak melalui konsep '1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Jika kita renung kembali dari sudut kewujudannya, air adalah suatu sumber alam yang sangat penting, untuk minuman, sistem ekologi dan kegiatan ekonomi termasuk pertanian, industri dan pengangkutan. Kepentingan kewujudannya sering kita pergadaikan dengan keutamaan pembangunan ekonomi dan masyarakat, sedangkan dari sudut jangka panjang, masyarakat juga yang akan menanggung risikonya.

Kita perlu peka bahawa bekalan air bersih yang berpatutan harganya bergantung kepada sumber air yang tidak tercemar bagi mengelak kos perawatan tinggi. Mengimbas kembali sejarah bekalan air bersih di Malaysia, ia bermula dengan bekalan air paip pertama oleh British di Pulau Pinang pada 1804, menyaksikan satu langkah ulung dalam memberikan sumber penting ini kepada masyarakat. Di Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur pada ketika itu, bekalan air paip bermula pada 1888. Hanya bermula dari 1900, proses perawatan air dilakukan sebelum dibekalkan kepada pengguna.

Loji Ampang Intake di Selangor adalah loji perawatan air pertama dibina di Malaysia iaitu pada 1906, menggunakan penapis pasir perlahan atau slow sand filter untuk bekalan air di Kuala Lumpur. Pembinaan loji perawatan air di seluruh negara bermula 1930-an dan mula pesat sejak 1960-an ekoran perkembangan ekonomi negara selepas merdeka. Di Selangor dan Kuala Lumpur, loji perawatan air banyak dibina pada era 1960-an.

Seiring dengan peruntukan pembangunan yang meningkat pada setiap kali rancangan pembangunan lima tahun dibentangkan, kerajaan juga melakukan penstrukturan semula sektor bekalan air dan kumbahan negara bermula dari 2006 dengan pembentukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (SPAN). Sektor air dan kumbahan negara perlu distruktur semula kerana pentadbiran dan pengurusan yang tidak efisien di bawah pelbagai pihak kerajaan negeri dan majlis perbandaran sebelum ini.

Ekoran penstrukturan itu, Kerajaan Persekutuan mengawal selia industri perkhidmatan air dari segi perlesenan dan kawal selia operator perkhidmatan, manakala kerajaan negeri mengekalkan kuasanya terhadap sumber air, kawasan tadahan air dan lembangan sungai. Secara tidak langsung, kualiti perkhidmatan air negara khususnya untuk memelihara kepentingan pengguna dapat dipertingkatkan. Justeru, industri perkhidmatan air dijangka menjadi lebih cekap, efisien, dan kadar tarif yang dikenakan sentiasa berpatutan kepada pengguna. Ketika mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) awal bulan ini,

Najib turut melaungkan agar tindakan segera diambil untuk meningkatkan liputan bekalan air sehingga 90 peratus di Sabah dan Sarawak menjelang akhir 2012. Jumlah yang diperuntukkan ialah RM2 bilion untuk kemudahan 60,000 isi rumah. Umum mengetahui, sumber air mentah kita adalah 90 peratus dari sungai yang mengalir dari kawasan tadahan air ini. Sumber air mentah akan pupus sekiranya langkah pemuliharaan sewajarnya tidak dilakukan. Tambahan pula pencemaran alam sekitar dan sungai mengehadkan lagi kebolehdapatan sumber ini.

Lebih satu bilion penduduk dunia tiada kemudahan air bersih dan 65 peratus penduduk dunia diramalkan tidak akan mendapat bekalan air bersih untuk minuman menjelang 2025, seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Kita di Malaysia bertuah kerana sistem bekalan air negara mendapat peruntukan dan sokongan padu kerajaan. Cuma janganlah pula kita alpa dek nikmat ini sehingga kita terlupa bahawa kesan pencemaran menggugat sumber air mentah kita. Oleh itu kesedaran terhadap peri pentingnya pemuliharaan alam sekitar dan sumber air mestilah dipupuk pada peringkat awal lagi.

Di antara kempen dilakukan termasuklah Kempen Penjimatan Air, program Turun Ke Padang dan Briged Penyelamat Sungai dan pelbagai program lagi yang dilakukan oleh pihak syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Sistem air dan alam sekitar negara menghadapi banyak cabaran termasuk pencemaran sumber air, penyusutan kawasan tadahan dan kekurangan bekalan air akibat peningkatan permintaan. Kekurangan dan ketidakcekapan pembangunan infrastruktur air dan kumbahan, ketidakseimbangan antara permintaan bekalan air dibandingkan dengan kemahuan untuk membayar kos perkhidmatan menyumbang kepada kepincangan pengurusan operasi infrastruktur air.

Dari sudut lain, kekurangan tekanan kepada pengurusan permintaan air, kelemahan pelaksanaan perundangan di samping ketiadaan suntikan politik dalam pengurusan pemuliharaan sumber air adalah cabaran kepada sektor air negara. Tambahan pula,

pewartaan kawasan tadahan air masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya dan pencerobohan atas nama pembangunan dan ekonomi masih berleluasa. Amat perlu bagi semua pihak mengintegrasikan alam sekitar dan pembangunan dalam membuat keputusan bagi sesuatu pembangunan yang baru.

Kadar tarif bekalan air dan kumbahan yang rendah, kelewatan proses pengambilalihan aset air dari negeri kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan pengurusan sumber air oleh kerajaan negeri adalah cabaran pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam usaha mencapai objektif sektor air negara, untuk faedah jangka panjang seluruh rakyat Malaysia. Justeru, konsep 1Malaysia amat bertepatan sekali dalam usaha menyediakan suasana kehidupan sihat dan penjana ekonomi yang pesat. Perbelanjaan pemuliharaan alam sekitar amat besar dan ia pembaziran wang ekoran kesilapan kita sendiri.

Seperti contoh, Sungai Klang yang dicemari oleh kita sendiri memerlukan sebanyak RM10 bilion untuk dipulihkan. Keberkesanan kesedaran memulihara alam sekitar dan sumber air di kalangan masyarakat mampu menjimatkan kos pentadbiran negara. Bukan hanya menjimatkan kos perawatan air, malah alam sekitar yang bersih mampu menempatkan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk bercuti, bekerja serta tempat kediaman untuk semua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-52 kepada seluruh warga Malaysia, semoga kita lebih komited dalam menjaga sumber air kita.

**Tan Sri Rozali Ismail ialah Presiden Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.**

**30 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Sentral: Projek air Pahang ke Selangor bermula**

KUALA LUMPUR: Kerja awal pembinaan terowong pemindahan air terbesar di Asia Tenggara sepanjang 45 kilometer dari Karak di Bentong, Pahang ke Hulu Langat, Selangor membabitkan kos RM1.3 bilion, sudah bermula dua minggu lalu. Setakat ini kerja awal bagi pembinaan terowong berukuran 5.5 meter yang berupaya menyalurkan 1,890 juta liter air sehari ke Selangor itu membabitkan kerja pembinaan jalan masuk ke pintu terowong dan tapak pembinaannya. Pengarah Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS), Datuk Ismail Mat Noor, berkata terowong air yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun itu, saiznya kecil sedikit daripada Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart) di sini.

Katanya, punca air mentah dari Sungai Semantan di Kampung Jambu Rias, Karak akan dipam menerusi paip sepanjang kira-kira 12 kilometer ke Karak sebelum dialirkan terus ke terowong berkenaan untuk membekalkan air ke Lembah Klang. "Projek pembinaan PPAMPS membabitkan empat pakej dengan kos keseluruhan RM3.9 bilion dan pembinaan terowong adalah yang paling utama hingga mengambil masa lima tahun.

“Kita akan membina muka sauk dan rumah pam di Kampung Jambu Rias dan dari situ, bekalan air mentah akan disalurkan terus ke Loji Rawatan Air Skim Langat 2 di Hulu Langat, sekali gus dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan air yang dihadapi penduduk di Lembah Klang,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada 22 November 2007, Selangor dan Pahang memeterai perjanjian pemindahan air mentah dari Pahang ke Selangor dengan kadar harga air mentah 10 sen bagi setiap liter padu. Anak syarikat IJM Corporation Bhd, IJM Construction Sdn Bhd, bersama rakan usaha samanya, Shimizu Corporation dan Nishimatsu Construction Co Ltd dari Jepun dan syarikat Malaysia, UEM Builders menerima kontrak kerajaan Malaysia bagi melaksanakan projek pemindahan air mentah di Pahang dan Selangor.

Bagaimanapun, kontraktor terbabit dalam projek berkenaan akan ditentukan konsortium mengendalikan projek ini. Ismail berkata, projek berkenaan bakal memberi pendapatan dianggarkan berjumlah RM80 juta setahun kepada Pahang, berdasarkan nilai jualan air yang ditetapkan itu, tetapi jumlah pendapatan akan meningkat jika harga berkenaan dikaji semula kelak. “Sebenarnya, harga jualan air yang dipersetujui antara dua negeri itu boleh dikaji semula bagi tempoh setiap lima tahun sekali,” katanya.

## **30 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Utara: 22 projek RM300j siap akhir 2010**

GEORGETOWN: Sebanyak 22 projek pembangunan di Pulau Pinang bernilai hampir RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang mengalami kelewatan, dijadualkan siap sepenuhnya hujung tahun depan. Ia membabitkan tiga projek Kementerian Pelajaran, masing-masing dua projek di bawah Kementerian Kerja Raya serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, masing-masing satu projek Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan serta enam projek di bawah Kementerian Kesihatan. Antara projek itu ialah menaik taraf Jalan Teluk Kumbar ke Pekan Genting; Rumah Persekutuan Jalan Scott; Politeknik Balik Pulau; Ibu Pejabat Bomba Pulau Pinang di Batu Kawan dan Kuarters Hospital Seberang Jaya. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata semua projek itu mengalami kelewatan kira-kira setahun berikutan pelbagai faktor, termasuk masalah pengambilan balik tanah, kontraktor atau perunding meninggalkan projek, proses tender semula dan pelantikan kontraktor baru.

“Kerajaan akan memastikan semua projek berkenaan disiapkan sebelum tamat tempoh rancangan pada Disember 2010,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Penyelarasan Pembangunan Pulau Pinang, di sini semalam. Sehubungan itu, Nor Mohamed berkata, tindakan segera akan diambil untuk mengkaji faktor kelewatan dan menggerakkan semula projek itu supaya siap sebelum tamat RMK-9. Secara keseluruhan, katanya, sebanyak 1,055 projek pembangunan fizikal membabitkan peruntukan RM7.6 billion dilaksanakan di Pulau Pinang di bawah RMK-9.

**31 Ogos 2009 (Isnin)**

## **Peruntukan RM158j tingkat kemudahan, alat di hospital**

Oleh Syuhada Choo Abdullah [choo@bharian.com.my](mailto:choo@bharian.com.my)

### **IMR, pakar kaji sama ada genetik virus H1N1 sudah bermutasi**

KUALA LUMPUR: Kabinet meluluskan peruntukan tambahan kecemasan sebanyak RM158 juta bagi meningkatkan kemudahan dan alat perlindungan kesihatan di hospital kerajaan seluruh negara untuk menangani penularan wabak Influenza A (H1N1) di negara ini. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata langkah meningkatkan kemudahan di semua hospital kerajaan itu, termasuk menambah bilangan katil dan wad unit rawatan rapi (ICU), di samping tumpuan kepada keperluan alat perlindungan kesihatan untuk doktor dan juga jururawat. "Ketika ini, ada kira-kira 350 katil dalam ICU di semua hospital kerajaan dan bilangan itu akan ditambah 350 katil lagi. Semua usaha ini akan dilaksanakan secepat mungkin," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Laporan akhbar semalam memetik Liow sebagai berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan supaya lebih banyak katil ditempatkan dalam ICU kerana di sesetengah hospital kerajaan wad ICU terlalu sesak. Akhbar semalam juga melaporkan WHO menerima laporan kemunculan virus H1N1 jenis teruk yang terus menyerang paru-paru menyebabkan penghidapnya sakit tenat dan perlu menjalani rawatan mahal di hospital. Virus jenis teruk itu turut dilaporkan boleh menyebabkan pesakit muda yang tidak mempunyai masalah kesihatan, jatuh sakit tenat.

Mengulas lanjut, Liow berkata, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan kumpulan pakar utama melakukan kajian serta pemantauan rapi bagi menentukan sama ada genetik virus H1N1 di negara ini sudah bermutasi atau berubah. "Setakat ini, masih virus H1N1 yang sama dan Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga supaya virus jenis teruk itu tidak menular ke negara kita," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr David Quek Kwang Leng, berkata hospital swasta juga sedang berusaha meningkatkan bilangan katil dalam ICU masing-masing. "Penyediaan kemudahan di ICU sebenarnya membabitkan kos yang tinggi. Justeru, ketika ini, rata-rata hospital besar hanya mempunyai antara 10 hingga 20 katil dalam ICU masing-masing," katanya.